

THE IMPLEMENTATION OF GENERIC SKILLS AT TECHNICAL SCHOOLS: COMPARATIVE ANALYSIS IN DIFFERENT PLATFORM

Ahmad Esa¹, Jailani Mohd. Yunus², & Fadilah Mat Assain @ Hashim³

ahmad@uthm.edu.my¹, jailani@uthm.edu.my², fadilah@polipd.edu.my³

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia¹ & ²
Politeknik Port Dickson³

Abstract

Mastering the soft skills is important among students nowadays but the most dominant embeded platform for this skill is still unidentified. The purpose of this research was to identify the most dominant platform to embed the soft skills to order to assist student to master it. This research determines the level of exposure in three different platforms which are in cocurriculum activities, workshop and class adopted a one. The research descriptive design where data the result of the study hence would show the most dominant platform had been collected by questionnaire and interview. The respondents for this questionnaire were 260 students from Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat and Sekolah Menengah Teknik Kluang, Johor. The result of the research indicates that the class platform had the highest level of soft skills implementation with 3.75 min, followed by cocurriculum 3.70 min and finally in workshop 3.69 min. The next result of the research also showed that the most dominant in implementating soft skills are curriculum activities and workshop. This was evident as Paired Sample T-test had shown that there was no significant difference in the level of implementation between these two platform at the value sig.(2-tailed) 0.605. Sample T-test had shown that there was significant difference in the level of embeded between these three platforms. The platforms were cocurriculum, class and workshop platform at the value of sig. (2-tailed) and 0.002.

Keywords: Generic skills, coccurriculum, workshop and class.

Penerapan Kemahiran Insaniah Di Sekolah Menengah Teknik: Satu Analisis Perbandingan dalam Tiga Platform yang Berbeza

PENGENALAN

Dunia tanpa sempadan telah merangsang negara melahirkan keperluan sumber manusia bagi membantu negara berhadapan dengan pembangunan yang pesat. Aset penting ini amat berguna memandangkan negara kita turut bersaing dalam mengubah kedudukan ekonomi negara. Sumber manusia atau dikenali sebagai aset tenaga pekerja yang berilmu amat penting masa kini dalam saingan pasaran kerja. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Zainudin et. Al (2005), secara tidak langsung kemahiran teknikal yang digarapkan dalam pembelajaran setiap hari banyak membantu dalam melahirkan aset negara ini. Namun, fenomena ini memperlihatkan bahawa sumber manusia, yang hanya memiliki kemahiran teknikal sahaja tidak mencukupi untuk memasuki pasaran tenaga kerja pada hari ini dan masa akan datang. Sebaliknya, modal insan yang dibentuk perlulah memiliki kemahiran insaniah untuk memantapkan kebolehpasaran diri mereka.

Kemahiran insaniah dikenali dengan pelbagai nama seperti kemahiran generik, *soft skills*, *human skills*, *non-technical skills*, *essential skills*, dan *employability skills*. Menurut penulis modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk Institusi Pengajian Tinggi, kemahiran insaniah merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. Menurut model Kearns (2001), kemahiran generik pada individu boleh dikelaskan kepada empat kumpulan iaitu kesediaan bekerja dan sifat bekerja individu, pengetahuan dan keusahawanan, kreatif dan inovatif, mempunyai kemahiran interpersonal dan berfikir serta ada kemahuan untuk belajar.


Kemahiran insaniah perlu ada kepada setiap pelajar untuk membantu mereka bersaing di alam pekerjaan samada di pasaran tempatan dan juga antarabangsa. Kemahiran insaniah yang merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif (Yulpisman 2006). Pandangan umum sering merujuk kegagalan siswazah mendapat pekerjaan disebabkan mereka tidak memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan majikan. Malah terdapat rungutan dan kebimbangan yang disuarakan oleh para majikan sejak akhir-akhir ini bahawa Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tidak menyediakan pelajarannya dengan ilmu dan kemahiran yang secukupnya untuk mereka melangkah ke alam pekerjaan. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Haslinda *et al*, (2005), hal ini kerana kebolehpasaran setiap graduan dinilai dalam pelbagai aspek dan pihak majikan pula lebih cenderung mencari bakal pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran tanpa perlu memberi mereka latihan dalaman.

Menurut Zainudin *et. al* (2005) dan Quek (2005), sumber manusia yang bakal meneroka dunia pekerjaan perlu dibentuk agar berkeupayaan menjadi lebih multiskil (kemahiran yang pelbagai) dan fleksibel. Ini kerana ilmu pengetahuan tidak lagi berdiri dengan sendirinya tetapi dikembangkan bersama disiplin yang lain agar menjadi multidisiplin. Oleh itu, pembentukan pelajar-pelajar yang berkemahiran teknikal pada hari ini perlulah diiringi dengan multiskil dan multidisiplin agar mereka tidak hanya terikat kepada satu kebolehan sahaja.

Gabungan pandangan yang diberikan oleh Ismail (2005) dan Lange dan Technicon (2000), juga berkaitan dengan pendidikan dan pembangunan sumber manusia yang merupakan kunci kepada peningkatan daya saing negara. Bekalan tenaga kerja yang terlatih, produktif dan komited adalah keperluan utama bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara agar hampir seiring dengan negara maju yang lain. Sistem pendidikan harus mampu memenuhi kehendak komersial dan industri, serta boleh menghasilkan tenaga kerja yang berupaya dan bersifat inovatif, produktif dan berkemahiran.

Selaras dengan itu, institusi pendidikan dan latihan teknik dan vokasional perlu memainkan peranan yang sewajarnya bagi membantu melahirkan bakal tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran. Ini kerana menurut Koffel (1994) dan Warwick (1989), kemahiran akan menyediakan seseorang individu kepada pekerjaan. Tambahan pula, kesan daripada pembangunan sains dan teknologi dan ekonomi baru, struktur pekerjaan telah mengubah corak permintaan

tenaga kerja daripada pekerja pengeluaran kepada pekerja berpengetahuan dan berkemahiran (Kearns 2001).



Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian

Dalam kajian ini, kerangka konseptual kajian telah disertakan berpandukan pada Rajah 1. Di sini pengkaji telah mengenal pasti beberapa aspek yang terkandung dalam kemahiran insaniah yang dikaji. Terdapat lima jenis kemahiran insaniah yang kerap dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran membuat keputusan, kemahiran kepimpinan dan kemahiran bekerja dalam kumpulan (Cano 2006; Bisland 2004; Kamarudin 2003; Shymal Majumdar 2002 dan Hoddinot & Young, 2001). Justeru, pengkaji menggunakan pendekatan yang sama, tetapi hanya menggunakan tiga platform utama sahaja untuk melihat perbezaan tahap penerapan kemahiran insaniah iaitu melalui kegiatan kokurikulum, semasa pelajar di bengkel dan juga semasa di kelas. Sekiranya penerapan kemahiran berlaku pada tahap yang tinggi dan platform yang dominan dapat dikenal pasti maka hasrat negara untuk mempunyai modal insan yang berketerampilan akan dapat direalisasikan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Dunia hari ini lebih mencabar jika kita dibandingkan lima atau sepuluh tahun yang lalu. Kecanggihan teknologi dan kepesatan negara membangun merupakan kebanggaan kita. Namun tanpa disedari, kecanggihan dan arus pembangunan tersebut amat menguji minda, untuk kita melaluinya. Malahan di era moden ini, masih lagi timbul isu graduan menganggur. Perkara ini amat merunsingkan semua pihak. Isu lapuk ini tidak sepatutnya berlaku di abad ini.

Antara faktor utama berlakunya fenomena ini adalah kerana graduan yang dihasilkan masih tidak dapat memenuhi kehendak majikan masa kini (Mohd Safarin *et. al*, 2005). Beberapa punca yang dikenal pasti berlakunya kegagalan mereka mendapatkan pekerjaan adalah mereka tidak dapat menguasai multiskil selain daripada kemahiran asas yang mereka perolehi sewaktu pengajian. Permintaan majikan hari ini hanya menerima pekerja yang bertanggungjawab, dapat menangani tugas yang mencabar, dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran dan lain-lain keadaan yang setanding dengan arus globalisasi ini. Sementara itu, menurut M.Z. Kamsah (2004), pula menyatakan bahawa tidak kesemua pelajar hari ini lemah dalam aspek teknikal atau kefahaman sains, matematik dan fizik, sebaliknya mereka adalah lemah dalam kemahiran insaniah yang menyebabkan penguasaan aspek teknikal tidak dapat digunakan dengan efektif. Oleh yang demikian, pelajar perlu menyiapkan diri bagi mengurangkan ketidaksepadanan kemahiran dalam memenuhi kehendak industri

Majikan hari ini terlalu memilih pekerja. Faktor ini berlaku kerana setiap majikan pasti mementingkan kaedah untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti bagi syarikat mereka. Maka secara tidak langsung pemilihan pekerja adalah ketat. Bagi graduan yang hanya cemerlang dalam akademik semata-mata, mereka seharusnya sedar dan risau untuk meneroka alam pekerjaan kelak. Menurut Lange dan Technicon (2000), telah menyatakan bahawa majikan menggunakan penguasaan kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, menyelesaikan masalah, membuat keputusan, memiliki ciri-ciri kepimpinan, bekerja dalam kumpulan dan memiliki lain-lain kemahiran insaniah sebagai asas dalam pengambilan graduan untuk bekerja dalam institusi atau syarikat mereka. Oleh itu, sewajarnya pelajar didedahkan dengan pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran yang berkaitan dengan keperluan industri sebagaimana yang ditegaskan oleh Warwick (1998), Abbot (1997) dan Seo, Andy K.H. (2003).

PERNYATAAN MASALAH

Dewasa ini isu peningkatan siswazah menganggur yang semakin meningkat setiap tahun bukan sahaja memberikan satu cerminan yang tidak baik terhadap struktur kurikulum bahkan menjadi satu kebimbangan terhadap pelajar dan negara amnya. Isu ini seringkali dikaitkan dengan kekurangan kemahiran yang dimiliki oleh siswazah. Menurut pendapat dan pandangan yang telah dikemukakan, jelas sekali bahawa tenaga kerja pada alaf ini perlu mempelajari kemahiran insaniah agar dapat seiring dengan kehendak pasaran kerja semasa. Oleh itu, satu kajian perlu dijalankan dengan mendapatkan maklumat daripada pihak pelajar untuk menentukan platform paling dominan untuk menerapkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar di sekolah menengah teknik. Ini adalah kerana pelajar sekolah menengah teknik merupakan modal insan yang menjadi input kepada pusat pengajian tinggi dan seterusnya memasuki pasaran pekerjaan. Sebenarnya, telah banyak kajian-kajian yang berkaitan kemahiran insaniah telah dijalankan, namun tiada kajian yang dibuat untuk menentukan platform yang paling sesuai bagi menerapkan kemahiran insaniah secara khusus di sekolah menengah teknik di Malaysia. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi melihat platform yang paling dominan untuk menerapkan kemahiran insaniah di Sekolah Menengah Teknik, Johor.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut;

1. Menentukan tahap penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar;
2. Mengenal pasti platform yang paling dominan dalam penerapan kemahiran insaniah kepada pelajar.

METODOLOGI DAN SKOP PENYELIDIKAN

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian yang dijalankan ialah kajian deskriptif. Kajian deskriptif adalah bertujuan untuk menghuraikan sesuatu fenomena yang berlaku. Menurut Best dan Kahn (1998), penyelidikan deskriptif dapat menerangkan dan menjelaskan perkara sebenarnya yang berlaku. Selain itu, menurut Wilkinson dan Birmingham (2003), kajian deskriptif digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu peristiwa yang sedang berlaku. Berdasarkan pandangan tersebut adalah bertepatan reka bentuk kajian deskriptif digunakan untuk menghuraikan fenomena kemahiran insaniah yang dipelajari menerusi kegiatan kokurikulum, aktiviti di dalam bengkel dan di kelas dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat dan Sekolah Menengah Teknik Kluang, Johor.

Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data adalah borang soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik dan diedarkan kepada 260 orang pelajar di Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat dan Sekolah Menengah Teknik Kluang. Manakala kaedah temu bual telah dijalankan secara bertulis. Populasi kajian adalah sebanyak 800 orang pelajar. Berpandukan kepada jadual Taburan Sampel Krejeie dan Morgan (1970), iaitu apabila saiz populasi 800 maka bilangan sampel adalah sebanyak 260. Justeru, kajian ini telah mengambil sampel sebanyak 260 pelajar seperti yang disyorkan oleh Krejeie dan Morgan (1970).

Skala Likert (1 hingga 5) digunakan untuk mengukur maklum balas responden bagi setiap item yang dikemukakan. Perincian skala tersebut seperti dalam Jadual 1. Sementara itu temu bual adalah instrumen kedua yang digunakan untuk menyokong atau menyangkal keputusan data kuantitatif yang diperolehi melalui soal selidik. Kesahan borang soal selidik telah diperolehi oleh mereka yang melaksanakan penerapan kemahiran insaniah iaitu terdiri daripada dua orang pensyarah dan seorang pegawai dari Universiti Tun Hussein Onn serta seorang guru di Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat. Ujian kebolehpercayaan juga telah dijalankan dan hasil ujian menunjukkan setiap item yang telah dibina mempunyai kebolehpercayaan yang baik (nilai alfa melebihi 0.6 dan nilai korelasi antara item melebihi 0.3) seperti ditunjukkan di dalam Jadual 2, Jadual 3 dan Jadual 4.

Jadual 1 : Skala Likert yang Digunakan untuk Mengukur Maklum Balas Responden

Skala	Tafsiran
1	Sangat tidak bersetuju
2	Tidak bersetuju
3	Kurang bersetuju
4	Setuju
5	Sangat setuju

Jadual 2 : Hasil analisis ujian *Reliability Analysis –Scale Alpha* dan Nilai Korelasi Antara Item Kemahiran Insaniah Dalam Kegiatan Kokurikulum

	<i>Scale Mean if Item Deleted</i>	<i>Scale Variance if Item Deleted</i>	<i>Corrected Item-Total Correlation</i>	<i>Cronbach's Alpha if Item Deleted</i>
Kemahiran Insaniah				
Kemahiran Komunikasi	15.8214	8.438	0.506	0.72
Kemahiran Penyelesaian Masalah	15.8286	8.104	0.376	0.74
Kemahiran Membuat Keputusan	15.8357	7.298	0.657	0.66
Kemahiran Kepimpinan	15.9071	7.191	0.785	0.63
Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan	15.6357	3.945	0.623	0.75

Jadual 3 : Hasil analisis ujian *Reliability Analysis –Scale Alpa* dan Nilai Korelasi Antara Item Kemahiran Insaniah Dalam Bengkel

	<i>Scale Mean if Item Deleted</i>	<i>Scale Variance if Item Deleted</i>	<i>Corrected Item-Total Correlation</i>	<i>Cronbach's Alpha if Item Deleted</i>
Kemahiran Insaniah				
Kemahiran Komunikasi	15.5714	4.730	0.470	0.87
Kemahiran Penyelesaian Masalah	15.4643	3.549	0.733	0.81
Kemahiran Membuat Keputusan	15.6429	3.277	0.851	0.78
Kemahiran Kepimpinan	15.6286	3.966	0.613	0.84
Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan	15.5786	3.896	0.713	0.82

Jadual 4 : Hasil analisis ujian *Reliability Analysis –Scale Alpa* dan Nilai Korelasi Antara Item Kemahiran Insaniah Dalam Kelas

	<i>Scale Mean if Item Deleted</i>	<i>Scale Variance if Item Deleted</i>	<i>Corrected Item-Total Correlation</i>	<i>Cronbach's Alpha if Item Deleted</i>
Kemahiran Insaniah				
Kemahiran Komunikasi	15.1571	5.196	0.398	0.90
Kemahiran Penyelesaian Masalah	15.5643	4.018	0.805	0.81
Kemahiran Membuat Keputusan	15.4857	3.762	0.796	0.81
Kemahiran Kepimpinan	15.3714	3.672	0.776	0.82
Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan	15.4786	3.672	0.711	0.84

Penyelidikan ini menumpukan kepada tiga platform sahaja iaitu melalui aktiviti kokurikulum, bengkel dan kelas. Ketiga-tiga platform ini dipilih adalah kerana penglibatan pelajar setiap hari sentiasa terdedah dengan setiap platform ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kajian dijalankan bertujuan untuk melihat perbezaan penerapan kemahiran insaniah yang paling dominan berdasarkan platform tersebut. Hal ini penting kepada semua pihak bagi mengenal pasti platform yang paling sesuai digunakan untuk menerapkan kemahiran insaniah.

Pengumpulan data dilakukan sendiri oleh penyelidik dengan bantuan guru-guru kaunseling di sekolah-sekolah yang terlibat. Masa yang diambil untuk mengisi borang soal selidik ialah lebih kurang 20 minit dan kesemua pelajar-pelajar yang terlibat dalam mengisi borang soal selidik telah mengembalikan semula secara langsung kepada penyelidik. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan min dan sisihan piawai. Manakala statistik inferens digunakan untuk menganalisis perbezaan antara pemboleh ubah bagi memenuhi objektif yang ditetapkan. Tafsiran statistik min yang digunakan diubah suai daripada Landall (1997) iaitu nilai min 1.0 hingga 2.33 = rendah, 2.34 hingga 3.67 = sederhana dan 3.68 hingga 5 = tinggi. Manakala nilai alfa 0.05 diputuskan untuk menentukan sama ada tidak terdapat perbezaan atau terdapat perbezaan yang signifikan antara pemboleh ubah.

Di samping itu, bagi tujuan memantapkan hasil dapatan kajian, penyelidik telah menggunakan instrumen temu bual secara bertulis dan menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mendapatkan pandangan daripada pelajar-pelajar berkaitan dengan penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar-pelajar di sekolah menengah teknik. Seramai 2 orang pelajar

telah ditemu bual oleh penyelidik sepanjang kajian dijalankan. Tujuan 2 orang pelajar ditemu bual adalah bagi menyokong hasil dapatan yang diperolehi.

DAPATAN KAJIAN

Latar belakang Responden

Daripada 260 orang responden yang ditemui seramai 87 (33%) pelajar Sek Men Teknik (SMT) Batu Pahat dan 173 (67%) pelajar SMT Kluang. Seramai 130 (50%) ialah responden lelaki dan 130 (50%) ialah responden perempuan. Sebanyak 218 (84%) responden terdiri daripada pelajar tingkatan empat dan 42 (16%) responden pula adalah pelajar tingkatan lima. Dalam konteks kursus pula, pelajar daripada kursus Awam sebanyak 67 (26%), Mekanikal 73 (28%), Elektrik 63 (24%), Perdagangan 17 (7%) dan kursus lain-lain yang tidak dinyatakan adalah sebanyak 40 (15%).

Analisis Hasil Kajian Berdasarkan Tahap Penerapan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar.

Merujuk pada Jadual 5, 6 dan 7 menunjukkan bahawa pelajar telah memberi maklum balas terhadap tahap penerapan kemahiran insaniah pada tahap sederhana adalah menerusi kegiatan kokurikulum, kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah dan membuat keputusan.

Jadual 5 : Analisis Min, Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Bagi Kemahiran Komunikasi dalam Kegiatan Kokurikulum

Bil.	Kemahiran Komunikasi	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
1	Lisan Bahasa Melayu	4.00	0.737	Tinggi
2	Lisan Bahasa Inggeris	3.17	0.846	Sederhana
3	Penulisan Bahasa Melayu	3.73	0.739	Tinggi
4	Penulisan Bahasa Inggeris	3.02	0.928	Sederhana
5	Mendengar dengan baik	3.98	0.748	Tinggi
6	Memberi arahan dengan jelas	3.75	0.843	Tinggi
7	Memahami arahan dengan jelas	3.88	0.858	Tinggi
Min Keseluruhan		3.65	0.814	Sederhana

Jadual 6 : Analisis Min, Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Bagi Kemahiran Penyelesaian Masalah dalam Kegiatan Kokurikulum

Bil.	Kemahiran Penyelesaian Masalah	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
8	Saya berani berhadapan dengan masalah	3.78	0.852	Tinggi
9	Saya berasa yakin untuk mengatasi masalah	3.73	0.823	Tinggi
10	Saya menyedari kewujudan masalah	3.78	0.858	Tinggi
11	Saya boleh mengenal pasti punca masalah	3.45	0.820	Sederhana
12	Saya boleh menyenaraikan beberapa alternatif untuk penyelesaian masalah	3.39	0.834	Sederhana
13	Saya boleh memilih alternatif terbaik untuk menyelesaikan masalah	3.48	0.944	Sederhana
14	Saya sabar berhadapan dengan masalah	3.82	0.949	Tinggi
Min Keseluruhan		3.63	0.869	Sederhana

Jadual 7 : Analisis Min, Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Bagi Kemahiran Membuat Keputusan dalam Kegiatan Kokurikulum

Bil	Kemahiran Membuat Keputusan	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
15	Saya berani untuk membuat keputusan	3.82	0.829	Tinggi
16	Saya berasa yakin untuk membuat keputusan	3.75	0.831	Tinggi
17	Saya boleh mengenal pasti keperluan untuk membuat keputusan	3.55	0.736	Sederhana
18	Saya boleh membuat keputusan pada masa yang tepat	3.38	0.841	Sederhana
19	Saya boleh menyenaraikan beberapa alternatif untuk membuat keputusan	3.42	0.818	Sederhana
20	Saya boleh memilih alternatif terbaik untuk membuat keputusan	3.52	0.793	Sederhana
21	Saya boleh membuat keputusan tidak berdasarkan emosi.	3.58	0.920	Sederhana
Min Keseluruhan		3.57	0.824	Sederhana

Jadual 8 dan 9 pula menunjukkan pelajar memberi maklum balas tahap penerapan kemahiran kepimpinan dan kerja dalam kumpulan adalah tinggi menerusi kokurikulum di sekolah menengah teknik.

Jadual 8 : Analisis Min, Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Bagi Kemahiran Kepimpinan dalam Kegiatan Kokurikulum

Bil	Kemahiran Kepimpinan	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
22	Saya boleh memberi arahan	3.61	0.950	Sederhana
23	Saya boleh menyesuaikan diri mengikut keadaan	3.89	0.833	Tinggi
24	Saya boleh memberi motivasi kepada ahli	3.45	0.892	Sederhana
25	Saya boleh memberi bimbingan kepada orang lain	3.55	0.910	Sederhana
26	Saya boleh melaksanakan tanggungjawab dengan amanah	3.82	0.875	Tinggi
27	Saya boleh menerima teguran	3.88	0.893	Tinggi
28	Saya komited menjalankan tugas	3.70	0.812	Tinggi
Min Keseluruhan		3.70	0.881	Tinggi

Jadual 9 : Analisis Min, Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Bagi Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan dalam Kegiatan Kokurikulum

Bil	Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
29	Saya bersedia membantu ahli dalam kumpulan	4.03	0.849	Tinggi
30	Saya boleh menyelesaikan masalah secara bersama	4.02	0.872	Tinggi
31	Saya boleh melakukan keputusan secara bersama	4.03	0.768	Tinggi
32	Saya boleh menerima idea orang lain secara terbuka	4.05	0.818	Tinggi
33	Saya boleh menyumbang idea dalam perbincangan	3.88	0.786	Tinggi
34	Saya boleh menerima kritikan yang membina	3.91	0.810	Tinggi
35	Saya boleh menentukan strategi kerja kumpulan.	3.78	0.827	Tinggi
Min Keseluruhan		3.957	0.819	Tinggi

Min keseluruhan kemahiran insaniah (Jadual 10) menerusi kegiatan kokurikulum adalah berada pada tahap yang tinggi (min = 3.70, sp = 0.498). Hasil dapatan kajian ini juga disokong oleh pelajar sekolah menengah (Pelajar 1 dan 2) teknik melalui temu bual secara bertulis seperti berikut;

Jadual 10: Analisis Keseluruhan Min, Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Kemahiran Insaniah dalam Kegiatan Kokurikulum

Bil	Kemahiran Insaniah	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
	Min Keseluruhan Kemahiran Insaniah Menerusi Kegiatan Kokurikulum	3.70	0.49848	Tinggi

"Ya. Kemahiran insaniah boleh diterapkan dalam aktiviti kokurikulum sebagai tapak permulaan meningkatkan produk jati diri. Sewaktu aktiviti kokurikulum saya banyak menggunakan kemahiran insaniah yang tinggi seperti kemahiran berkomunikasi dan kemahiran bekerja dalam kumpulan."

(Pelajar 1)

"Ya, ianya boleh diterapkan apabila di dalam proses melakukan projek atau dalam pembentangan kertas kerja. Contohnya apabila membuat pembentangan saya yakin dengan kemahiran komunikasi saya yang tinggi dan apabila membuat sesuatu projek saya bekerja dalam kumpulan."

(Pelajar 2)

Jadual 11, 12 dan 13 menunjukkan bahawa pelajar telah memberi maklum balas terhadap tahap penerapan kemahiran insaniah adalah sederhana menerusi kegiatan bengkel bagi kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah dan membuat keputusan.

Jadual 11 : Analisis Min, Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Bagi Kemahiran Komunikasi dalam Bengkel

Bil	Kemahiran Komunikasi	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
1	Lisan Bahasa Melayu	3.84	0.862	Tinggi
2	Lisan Bahasa Inggeris	3.20	0.898	Sederhana
3	Penulisan Bahasa Melayu	3.82	0.737	Tinggi
4	Penulisan Bahasa Inggeris	3.08	0.912	Sederhana
5	Mendengar dengan baik	4.03	0.763	Tinggi
6	Memberi arahan dengan jelas	3.72	0.861	Tinggi
7	Memahami arahan dengan jelas	3.92	0.846	Tinggi
	Min Keseluruhan	3.66	0.840	Sederhana

Jadual 12 : Analisis Min, Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Bagi Kemahiran Penyelesaian Masalah dalam Bengkel

Bil	Kemahiran Penyelesaian Masalah	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
8	Saya berani berhadapan dengan masalah	3.78	0.906	Tinggi
9	Saya berasa yakin untuk mengatasi masalah	3.72	0.853	Tinggi
10	Saya menyedari kewujudan masalah	3.73	0.871	Tinggi
11	Saya boleh mengenal pasti punca masalah	3.51	0.881	Sederhana
12	Saya boleh menyenaraikan beberapa alternatif untuk penyelesaian masalah	3.44	0.843	Sederhana
13	Saya boleh memilih alternatif terbaik untuk menyelesaikan masalah	3.52	0.915	Sederhana
14	Saya sabar berhadapan dengan masalah	3.93	0.835	Tinggi
Min Keseluruhan		3.66	0.872	Sederhana

Jadual 13 : Analisis Min, Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Bagi Kemahiran Membuat Keputusan dalam Bengkel

Bil	Kemahiran Membuat Keputusan	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
15	Saya berani untuk membuat keputusan	3.74	0.861	Tinggi
16	Saya berasa yakin untuk membuat keputusan	3.67	0.800	Sederhana
17	Saya boleh mengenal pasti keperluan untuk membuat keputusan	3.56	0.698	Sederhana
18	Saya boleh membuat keputusan pada masa yang tepat	3.37	0.782	Sederhana
19	Saya boleh menyenaraikan beberapa alternatif untuk membuat keputusan	3.39	0.838	Sederhana
20	Saya boleh memilih alternatif terbaik untuk membuat keputusan	3.48	0.827	Sederhana
21	Saya boleh membuat keputusan tidak berdasarkan emosi.	3.63	0.939	Sederhana
Min Keseluruhan		3.55	0.821	Sederhana

Jadual 14 pula menunjukkan pelajar memberi maklum balas terhadap tahap penerapan kemahiran kepimpinan dan kerja dalam kumpulan adalah tinggi menerusi bengkel. Manakala Jadual 15 penerapan kemahiran bekerja dalam kumpulan dalam kegiatan kokurikulum 100% menunjukkan berada pada tahap klasifikasi yang tinggi.

Jadual 14 : Analisis Min, Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Bagi Kemahiran Kepimpinan dalam Bengkel

Bil	Kemahiran Kepimpinan	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
22	Saya boleh memberi arahan	3.58	0.920	Sederhana
23	Saya boleh menyesuaikan diri mengikut keadaan	3.87	0.819	Tinggi
24	Saya boleh memberi motivasi kepada ahli	3.40	0.857	Sederhana

25	Saya boleh memberi bimbingan kepada orang lain	3.42	0.868	Sederhana
26	Saya boleh melaksanakan tanggungjawab dengan amanah	3.78	0.813	Tinggi
27	Saya boleh menerima teguran	3.91	0.829	Tinggi
28	Saya komited menjalankan tugas	3.80	0.834	Tinggi
Min Keseluruhan		3.70	0.849	Tinggi

Jadual 15 : Analisis Min, Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Bagi Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan dalam Kegiatan Kokurikulum

Bil	Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
29	Saya bersedia membantu ahli dalam kumpulan	4.00	0.813	Tinggi
30	Saya boleh menyelesaikan masalah secara bersama	4.03	0.793	Tinggi
31	Saya boleh melakukan keputusan secara bersama	3.93	0.860	Tinggi
32	Saya boleh menerima idea orang lain secara terbuka	4.02	0.812	Tinggi
33	Saya boleh menyumbang idea dalam perbincangan	3.82	0.808	Tinggi
34	Saya boleh menerima kritikan yang membina	3.90	0.828	Tinggi
35	Saya boleh menentukan strategi kerja kumpulan.	3.78	0.793	Tinggi
Min Keseluruhan		4.00	0.815	Tinggi

Jadual 16 pula menunjukkan min item keseluruhan kemahiran insaniah semasa di bengkel berada pada tahap yang tinggi (min = 3.69, sp = 0.507). Dapatan kajian ini juga telah disokong oleh dua orang pelajar sekolah menengah teknik (pelajar 1 dan 2) melalui sesi temu bual secara bertulis seperti berikut,

Jadual 16: Analisis Keseluruhan Min, Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Kemahiran Insaniah dalam Bengkel

Bil	Kemahiran Insaniah	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
	Min Keseluruhan Kemahiran Insaniah Semasa Di Bengkel	3.69	0.5074	Tinggi

“Ya. Bagi saya ia bukan setakat boleh diterapkan tetapi perlu diterapkan semasa di bengkel. Ini kerana, ia dapat melatih pelajar untuk mengawal sesuatu keadaan. Pelajar dapat mempraktikkan dan mempelajari segala kemahiran yang ada semasa di bengkel. Kemahiran insaniah saya semasa di bengkel juga tinggi.”

(Pelajar 1)

“Ya, kerana semasa di dalam bengkel kerja di dalam sepasukan dan komunikasi antara pelajar dengan pelajar atau komunikasi antara pelajar dengan guru amat diperlukan untuk mengelakkan masalah. Jadi, untuk mengelakkan masalah terjadi di dalam bengkel, kemahiran insaniah amat diperlukan oleh semua orang yang melibatkan diri semasa di bengkel. Tahap penerapan kemahiran insaniah saya berada pada tahap yang tinggi.”

(Pelajar 2)

Seterusnya kajian ini menumpukan pada Jadual 17, 18 dan 19 yang menunjukkan pelajar memberi maklum balas tahap penerapan kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja dalam kumpulan adalah tinggi dalam kalangan mereka di dalam kelas.

Jadual 17: Analisis Min, Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Bagi Kemahiran Komunikasi dalam Kelas

Bil.	Kemahiran Komunikasi	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
1	Lisan Bahasa Melayu	4.17	0.737	Tinggi
2	Lisan Bahasa Inggeris	3.26	0.825	Sederhana
3	Penulisan Bahasa Melayu	3.90	0.782	Tinggi
4	Penulisan Bahasa Inggeris	3.23	0.908	Sederhana
5	Mendengar dengan baik	4.07	0.763	Tinggi
6	Memberi arahan dengan jelas	3.81	0.805	Tinggi
7	Memahami arahan dengan jelas	3.93	0.795	Tinggi
Min Keseluruhan		3.77	0.802	Tinggi

Jadual 18 : Analisis Min ,Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Bagi Kemahiran Kepimpinan dalam Kegiatan Kokurikulum

Bil	Kemahiran Kepimpinan	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
22	Saya boleh memberi arahan	3.72	0.910	Tinggi
23	Saya boleh menyesuaikan diri mengikut keadaan	3.89	0.920	Tinggi
24	Saya boleh memberi motivasi kepada ahli	3.41	0.898	Sederhana
25	Saya boleh memberi bimbingan kepada orang lain	3.58	0.890	Sederhana
26	Saya boleh melaksanakan tanggungjawab dengan amanah	3.95	0.844	Tinggi
27	Saya boleh menerima teguran	3.92	0.901	Tinggi
28	Saya komited menjalankan tugas	3.84	0.821	Tinggi
Min Keseluruhan		3.76	0.883	Tinggi

Jadual 19 : Analisis Min, Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Bagi Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan dalam Kelas

Bil	Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
29	Saya bersedia membantu ahli dalam kumpulan	4.02	0.783	Tinggi
30	Saya boleh menyelesaikan masalah secara bersama	3.96	0.777	Tinggi
31	Saya boleh melakukan keputusan secara bersama	4.00	0.843	Tinggi
32	Saya boleh menerima idea orang lain secara terbuka	4.01	0.829	Tinggi
33	Saya boleh menyumbang idea dalam perbincangan	3.81	0.884	Tinggi
34	Saya boleh menerima kritikan yang membina	3.88	0.897	Tinggi
35	Saya boleh menentukan strategi kerja kumpulan.	3.75	0.879	Tinggi
Min Keseluruhan		4.00	0.842	Tinggi

Seterusnya dalam Jadual 20 telah menunjukkan min keseluruhan item kemahiran insaniah semasa di kelas dalam kalangan pelajar di sekolah menengah teknik yang juga berada pada tahap yang tinggi (min = 3.75, sp = 0.506). Hasil analisis kajian ini juga disokong oleh pendapat dua orang pelajar (Pelajar 1 dan 2) melalui sesi temu bual secara bertulis yang telah dijalankan seperti berikut;

Jadual 20: Analisis Keseluruhan Min ,Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Kemahiran Insaniah dalam Kelas

Bil	Kemahiran Insaniah	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
Min Keseluruhan Kemahiran Insaniah Semasa Di Kelas		3.75	0.50607	Tinggi

“Ya. Kemahiran insaniah ini perlu seiring sama ada di dalam kelas, dalam kokurikulum dan juga di bengkel supaya dapat membiasakan diri untuk mempraktikkan dan mengaplikasikan semua kemahiran tersebut sepanjang proses pembelajaran.”

(Pelajar 5)

“Ya, apabila berada di dalam kelas, komunikasi juga amat penting untuk mengelakkan proses P&P menjadi begitu membosankan kepada semua pelajar.”

(Pelajar 6)

Jadual 21 dan 22 menunjukkan bahawa pelajar telah memberi maklum balas tahap penerapan kemahiran insaniah adalah sederhana di dalam kelas dalam kalangan mereka di sekolah menengah teknik bagi penyelesaian masalah dan membuat keputusan.

Jadual 21 : Analisis Min ,Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Bagi Kemahiran Penyelesaian Masalah dalam Kelas

Bil	Kemahiran Penyelesaian Masalah	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
8	Saya berani berhadapan dengan masalah	3.79	0.783	Tinggi
9	Saya berasa yakin untuk mengatasi masalah	3.77	0.761	Tinggi
10	Saya menyedari kewujudan masalah	3.70	0.889	Tinggi
11	Saya boleh mengenal pasti punca masalah	3.50	0.813	Sederhana
12	Saya boleh menyenaraikan beberapa alternatif untuk penyelesaian masalah	3.52	0.817	Sederhana
13	Saya boleh memilih alternatif terbaik untuk menyelesaikan masalah	3.53	0.821	Sederhana
14	Saya sabar berhadapan dengan masalah	3.92	0.857	Tinggi
Min Keseluruhan		3.68	0.820	Sederhana

Jadual 22 : Analisis Min, Sisihan Piawai dan Klasifikasi Tahap Bagi Kemahiran Membuat Keputusan dalam Kelas

Bil	Kemahiran Membuat Keputusan	Min	Sisihan Piawai	Klasifikasi Tahap
15	Saya berani untuk membuat keputusan	3.83	0.819	Tinggi
16	Saya berasa yakin untuk membuat keputusan	3.73	0.912	Tinggi
17	Saya boleh mengenal pasti keperluan untuk membuat keputusan	3.57	0.824	Sederhana
18	Saya boleh membuat keputusan pada masa yang tepat	3.48	0.885	Sederhana
19	Saya boleh menyenaraikan beberapa alternatif untuk membuat keputusan	3.48	0.807	Sederhana
20	Saya boleh memilih alternatif terbaik untuk membuat keputusan	3.49	0.813	Sederhana
21	Saya boleh membuat keputusan tidak berdasarkan emosi.	3.66	0.927	Sederhana
Min Keseluruhan		3.61	0.855	Sederhana

Hasil Kajian Berdasarkan Platform yang Paling Dominan dalam Penerapan Kemahiran Insaniah

Jadual 23 menunjukkan hasil Ujian - t Sampel Berpasangan bagi tujuan mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan antara platform kokurikulum dan bengkel yang signifikan terhadap penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar di sekolah menengah teknik. Hasil analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara platform kokurikulum dan bengkel terhadap penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah teknik.

Jadual 23 : Keputusan Ujian - t Sampel Berpasangan Antara kokurikulum dan bengkel

Perkara	Statistik					
	Perbezaan Berpasangan			T	df	Sig. (2-tailed)
	Min	Sisihan Piawai				
Kokurikulum dan bengkel	0.00725	0.22599	0.517	259	0.605	

Aras signifikan 0.05

Jadual 23 menunjukkan hasil Ujian - t Sampel Berpasangan bagi mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan antara platform kokurikulum dan kelas terhadap penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar di sekolah menengah teknik. Hasil ujian tersebut menunjukkan, secara keseluruhannya terdapat perbezaan yang signifikan antara platform kokurikulum dan kelas. Nilai bacaan Sig.(2 tailed) 0.605 menunjukkan bahawa hipotesis null untuk perbezaan tahap penerapan kemahiran insaniah semasa mengikuti kegiatan kokurikulum dan di bengkel diterima.

Jadual 24 : Keputusan Ujian - t Sampel Berpasangan Antara kokurikulum dan kelas

Perkara	Statistik					
	Perbezaan Berpasangan			T	df	Sig. (2-tailed)
	Min	Sisihan Piawai				
Kokurikulum dan Kelas	-0.04352	0.21572	-3.253	259	0.001	

Aras signifikan 0.05

Jadual 24 pula menunjukkan keputusan Ujian - t Sampel Berpasangan bagi mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara platform bengkel dan kelas terhadap penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar di sekolah menengah teknik. Hasil ujian yang diperoleh menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara bengkel dan kelas. Nilai bacaan Sig.(2-tailed) 0.001 membawa makna hipotesis null untuk persoalan kajian pada bahagian ini adalah tidak diterima. Daripada Jadual 25 perbandingan nilai min menunjukkan, platform kelas lebih menerapkan kemahiran insaniah berbanding dengan platform kokurikulum.

Jadual 25: Keseluruhan min untuk setiap platform Kokurikulum dan Kelas

Aspek Kemahiran	Jumlah Skor Min (n =260)	Keputusan
Kokurikulum keseluruhan	3.70	Tinggi
Kelas keseluruhan	3.75	Tinggi

Jadual 26: Keputusan Ujian - t Sampel Berpasangan Antara Bengkel Dan Kelas

Perkara	Statistik					
	Perbezaan Berpasangan			T	df	Sig. (2-tailed)
	Min	Sisihan Piawai				
Bengkel dan Kelas	-0.05077	0.25809	-3.172	259	0.002	

Aras signifikan 0.05

Jadual 26 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan semasa di bengkel dan semasa di kelas dalam kalangan pelajar sekolah menengah teknik. Keputusan ini dengan nilai *Sig.(2-tailed)* 0.002 membawa makna hipotesis null untuk persoalan kajian pada bahagian ini adalah tidak diterima. Menerusi Jadual 27, nilai min menunjukkan, penerapan kemahiran insaniah menerusi kelas adalah lebih berbanding dengan penerapan kemahiran insaniah menerusi bengkel.

Jadual 27: Keseluruhan skor min untuk setiap platform Kokurikulum dan Kelas

Aspek Kemahiran	Jumlah Skor Min (n =260)	Keputusan
Bengkel keseluruhan	3.69	Tinggi
Kelas keseluruhan	3.75	Tinggi

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tahap penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar sekolah menengah teknik adalah berada pada tahap yang tinggi menerusi platform kokurikulum, di dalam kelas dan di dalam bengkel di sekolah menengah teknik. Didapati bahawa platform yang paling dominan pelajar diterapkan kemahiran insaniah mereka adalah melalui kelas diikuti kokurikulum dan bengkel.

Walau bagaimanapun, berdasarkan setiap kemahiran insaniah dalam kajian yang dijalankan didapati tahap penerapan kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran membuat keputusan berada pada tahap sederhana menerusi platform kelas, kokurikulum dan bengkel. Penerapan kemahiran komunikasi pula didapati berada pada tahap sederhana menerusi platform bengkel dan kokurikulum tetapi berada pada tahap yang tinggi menerusi platform kelas. Kemahiran kepimpinan dan kemahiran bekerja dalam kumpulan pula menunjukkan tahap penerapan yang tinggi menerusi platform kelas, bengkel dan kokurikulum.

Bagi menangani kurangnya penerapan terhadap pelajar dalam kemahiran penyelesaian masalah dan membuat keputusan menerusi platform kokurikulum, bengkel atau kelas serta kurangnya penerapan kemahiran komunikasi menerusi platform bengkel dan kokurikulum, beberapa pihak yang terlibat secara langsung dengan penerapan kemahiran insaniah di sekolah menengah teknik boleh memainkan peranan secara aktif mengembangkan lagi potensi kemahiran insaniah pelajar antaranya ialah pelajar itu sendiri. Pelajar perlu mengambil peluang untuk meningkatkan tahap penerapan kemahiran insaniah mereka dari semasa ke semasa tanpa mengira masa dan tempat sama ada sewaktu di dalam kelas, di bengkel, semasa mengikuti kegiatan kokurikulum. Di samping itu pelajar digalakkan menghadiri seminar, bengkel dan juga kem motivasi untuk memperkembangkan lagi ilmu pengetahuan dan mempertingkatkan keyakinan diri. Semoga dengan wujudnya tahap penerapan yang tinggi dalam kalangan pelajar akan membentuk jati diri pelajar yang fleksibel seperti yang diperlukan oleh majikan hari ini. Praktik yang paling mudah ialah membina kemahiran menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan komunikasi menerusi aktiviti pengurusan sesuatu projek di dalam kegiatan kokurikulum. Contohnya pelajar melibatkan diri mengurus pertandingan futsal atau menjalani praktik perniagaan. Menerusi latihan sedemikian, pelajar dapat meningkatkan kemahiran insaniah mereka (Ahmad Esa, Jailani Md. Yunus dan Noraini Kaprawi, 2005 dan Upward, 1989).

Sebagai seorang pendidik, guru perlu memainkan peranan yang aktif untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan juga bukan akademik. Guru juga disarankan untuk mempelbagaikan teknik mengajar sewaktu proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) berlangsung. Teknik pengajaran yang pelbagai akan menjadikan pelajar cenderung untuk mengaplikasikan dan menerapkan kemahiran insaniah mereka. Penggunaan alat bantu mengajar yang berteknologi dan mengikut keadaan semasa mampu untuk menarik perhatian pelajar. Selain itu, pengajaran menggunakan pelbagai kaedah pengajaran seperti PBL (*Problem Based Learning*)

adalah digalakkan. Menerusi kaedah PBL pelajar dapat menguasai kemahiran insaniah secara tidak langsung seperti kemahiran kerja berpasukan, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan kepimpinan (Barrows, H. S dan Wee Keng Neo, Lynda, 2007 dan Elizabeth Anthony, Zulida Abd Kadir dan Noryani Neni Ahmad Jamain, 2007). Guru juga dicadangkan untuk sama-sama memperluaskan diri dengan aspek kemahiran insaniah yang tinggi agar dapat memberi contoh dan teladan kepada pelajar-pelajar. Selain daripada itu, kepelbagaian ilmu pengetahuan dalam kalangan guru-guru mampu memikat pelajar-pelajar untuk belajar dan secara tidak langsung pelbagai kemahiran akan dapat dikongsi bersama-sama.

Kajian yang dijalankan telah membuktikan bahawa kemahiran insaniah diterapkan pada tahap yang tinggi semasa pelajar berada di dalam kelas, bengkel dan ketika mengikuti aktiviti kokurikulum di sekolah menengah teknik. Walaupun terdapat beberapa kemahiran yang diterapkan secara sederhana, namun tahap penerapan tersebut sangat berpotensi untuk ditingkatkan terutamanya dengan penglibatan para guru dan pelajar di sekolah menengah teknik yang perlu melakukan anjakan paradigma dalam menerapkan kemahiran insaniah sama ada menerusi aktiviti di dalam kelas, aktiviti kokurikulum dan kerja-kerja praktikal di bengkel.

RUJUKAN

- Ahmad Esa, Jailani Md. Yunus dan Noraini Kaprawi (2005). "Membangun Kemahiran Generik Menerusi Persatuan dan Kelab Di Politeknik Malaysia." *Jurnal Personalia Pelajar*.9.
- Abbott, I (1997). "Why Do We Have to Do Key Skills? Student Views about General National Vocational Qualifications." *Journal of Vocational Education and Training*. Vol.49. No.4. 617-630
- Barrows, H.S. dan Wee Keng Neo, Lynda (2007), "Principles and Practice of aPBL." Jurong: Pearson Education South Asia Ptc. Ltd.
- Best, J. W. dan Kahn, J.V. (1989). "Researchn in Education." New Jersey: Prentice Hall.
- Bisland, A (2004). "Developing Leadership Skills in Young Gifted Students." *Journal of Vocational Education and Training*. Vol 27.No 1. 24-27
- Cano, J. (2006). "Graduate Employability: What Employers Really Want." *The Agricultural Education Magazine*. 78. 5
- Elizabeth Anthony, Zulida Abd Kadir dan Noryani Neni Ahmad Jamain (2007). "Problem-Based Learning: A Useful Approach for Effective Communication?" dalam 'Proceedings of Seminar On Problem Based Learning (2007). Parit Raja: Penerbit UTHM.
- Haslinda @ Robita Hashim, Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Zarina Mohd Ali (2005). Pembangunan Sahsiah Mahasiswa Bersepadu: Konsep Dan Pelaksanaannya Di Kolej Universiti Kejuruteraan . Kertas kerja yang dibentang diSeminar Kebangsaan Kursus Sokongan Kejuruteraan, Di Hotel Aseania, Langkawi 17-18 Disember 2005.
- Hoddinot, J. dan Young, D. (2001). "Generic Skills Teaching In Materials Science and Engineering." *Journal of Engineering Education*. 707-711
- Ismail Md.Salleh (2005). "Strategi Bagi Rancangan Malaysia Ke Sembilan Untuk Meningkatkan Pembangunan Insan." Universiti Malaya.
- Kamaruddin Husin (2003). "Kemahiran Berfikir dan Komunikasi." Petaling Jaya: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd. 186-188.
- Kearns,P.(2001). "Generic Skills for the New Economy ." Kensington Park: NCVER Ltd.41-64.
- Koffel, L (1994). "Teaching Workplace Skills: Creative Ways to Teach Students the Skills Employers Want." Texas:Gulf Publishing Company. 1-2.
- Krejcic, R.V dan Morgan, D.W (1970). "Determining Sample Size for Research Activities." *Educational and Psychological Measurement*. 30.607-210.
- Lange, D.L dan Technicon, P.E. (2000). "The Identification of The Most Important Non-technical Skills Required by Entry Level Engineering Students When They Assume Employment." *Journal of Cooperative Education*. 35. 21-32.
- Mohd Safarin, Mohd Zolkifli dan Mohd Khata (2005). "Tahap Keyakinan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti." Seminar Pendidikan Fakulti Pendidikan 2005: Universiti Teknologi Malaysia.
- M.Z.Kamsah (2004). "Developing Generic Skills In Classroom Environment: Engineering Students' Perspective." Center for Teaching and Learning: Universiti Teknologi Malaysia.
- Quek (2005). "Learning For The Workplace: A Case Study In Graduate Employees' Generic Competencies." *Journal of Workplace Learning*.17. 231-242.
- Seo, andy K.H.(2003). "Smart Partnership Between Vocational Technical Training Institutions With the Industry in Creating Skill Worker." Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vokasional. Tidak Di Terbitkan
- Shyamal Majumdar (2002). "Emerging Generic Skills & Challenges of Learning Systems: Training K-workers". Philippines : Metro Manila
- Upward, H. (1989). "Enterprise in Action." Dalam Warwick, D. (1989). "Linking Schools and Industry." Oxford: Basil Blackwell. Ltd.. 152-163.

- Warwick, D (1989). “ Interpretation and Aims.” Dalam Warwick, D.1989. “Linking Schools and Industry. Oxford: Basil Blackwell Ltd
- Wilkinson, D. and Birmingham, P. (2003) *Using research instruments*, London:Routledge.
- Yulpisman Asli (2006). Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Universiti Putra MalaysiaUPM), Serdang. <http://www.utusan.com.my/utusan/content> (19 September 2007).
- Zainudin, Mohd Anuar, Mohd Najib, Kamriah (2005). . “Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik.” Seminar Pendidikan 2005: Universiti Teknologi Malaysia.

